

Jabatan Perkhidmatan
Awam Malaysia,
Tingkat 9-14, Bangunan
U.M.B.C.
Jalan Sulaiman,
Kuala Lumpur.

20hb. Julai, 1973

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 16 TAHUN 1973

**Elaun Memandu Motosikal bagi Penghantar-Penghantar Cepat
(Despatch Riders)**

Berikutan dengan keputusan Kerajaan untuk membayar semula Elaun Memandu kepada Posmen-Posmen yang dikehendaki memandu motosikal-motosikal atau van-van Pejabat dan juga kepada Penghantar-Penghantar Taligrap Gred 1 yang dikehendaki memandu motosikal-motosikal Jabatan, Kerajaan telah juga bersetuju untuk membayar Elaun Memandu sebanyak \$10.00 sebulan kepada Penghantar-Penghantar Cepat (Despatch Riders) yang dikehendaki memandu motosikal sewaktu menjalankan tugas tugas mereka.

2. Tarikh kuatkuasa bayaran Elaun Memandu bagi Penghantar-Penghantar Cepat ini ialah mulai dari 1hb. Februari, 1973 ataupun dari tarikh lantikan mereka sebagai Penghantar Cepat mengikut mana yang terkemudian.

(AHMAD SALLEHUDIN BIN AHMAD
JALALUDIN)
Bahagian Gaji,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam, Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri, Semenanjung Malaysia.